

GAYA PEMBELAJARAN YANG DOMINAN DALAM KALANGAN PELAJAR
DI INSTITUT KEMAHIRAN MARA JOHOR BAHRU

MOHAMAD ZAKI BIN MOHAMAD

Laporan projek sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan
Sarjana Pendidikan Teknikal (Kejuruteraan Mekanikal)

Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JULAI 2012

ABSTRAK

Gaya pembelajaran memainkan peranan yang penting dalam bidang pendidikan bagi memastikan objektif dan matlamat P&P tercapai dengan jayanya. Di IKM Johor Bahru ini, proses P&P adalah lebih tertumpu kepada bidang kemahiran praktikal *hands-on* di samping bidang-bidang teoritikal yang lain. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui gaya pembelajaran yang dominan dalam kalangan pelajar semester akhir peringkat sijil di IKM Johor Bahru. Selain untuk mengenalpasti perbezaan gaya pembelajaran berdasarkan jantina dan program, kajian ini juga dilaksanakan untuk mengetahui hubungan di antara gaya-gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar. Kajian ini melibatkan 163 orang responden yang berada di semester akhir program sijil. Sebanyak 10 program yang terlibat di dalam kajian ini. Kajian berbentuk tinjauan ini menggunakan soal selidik berskala *Likert* lima mata sebagai instrumen kajian. Instrumen ini mengandungi 5 soalan berkaitan demografi responden dan 40 soalan berdasarkan Teori Pembelajaran Honey and Mumford (1986). Kajian rintis yang melibatkan 10 orang pelajar telah dilaksanakan bagi menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian. Nilai *Alpha Cronbach* yang diperolehi ialah 0.922 dengan menggunakan perisian *SPSS* Versi 16.0. Hasil dapatan kajian melalui Ujian Skor Min menunjukkan bahawa domain pragmatis (min 4.07) merupakan gaya pembelajaran yang dominan. Melalui Ujian-t Tak Bersandar pula menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi gaya pembelajaran berdasarkan jantina. Dalam pada itu, Ujian ANOVA Sehalu pula mendapati bahawa hanya domain reflektif ($0.034 < 0.05$) sahaja yang menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dari aspek gaya pembelajaran berdasarkan program. Manakala, ketiga-tiga domain yang lain adalah sebaliknya. Ujian Korelasi Pearson pula menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya-gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar. Akhir sekali perbincangan dan kesimpulan juga turut dibincangkan serta cadangan supaya kajian seperti ini juga dilaksanakan pula di mana-mana KKTMM yang lain supaya dapatannya boleh dibuat perbandingan.

ABSTRACT

Learning styles play an important role in education in order to ensure the learning goals will be achieved. In IKM Johor Bahru, the process of learning is focused on practical skills as well as hands-on areas besides theoretical area. This study aims to determine the dominant learning styles of students in the final semester in IKM Johor Bahru. In addition to identifying the differences in learning styles based on gender and program, this study was also undertaken to investigate the relationship between the dominant learning style and student academic achievement. This study involved 163 samples of students who were in the final semester certificate program. 10 certificate programs were involved in this study. This study was conducted as a survey by using a five point *Likert* scale questionnaire as a research instrument. The instrument consists of 5 questions related to demographic background and 40 questions based on Honey and Mumford Learning Theory (1986). A pilot study was conducted on 10 students to determine the validity and reliability of this questionnaire. Cronbach's Alpha values 0.922 are obtained by using the SPSS Version 16.0. The findings by Mean Score Test showed that the pragmatic (4.07) is the dominant learning style. Independent t-Test showed that there was no significant difference in terms of learning styles based on gender. In the meantime, One Way ANOVA test showed that only domain reflector ($0.034 < 0.05$) only showed significant differences in terms of learning styles based on the program. Meanwhile, the three other domains are not. Pearson Correlation Test showed that there was no significant relationship between learning style and academic achievement. Finally, discussion and conclusions are also discussed and proposed that this kind of study is carried out in any other KKTU to findings the comparison.

KANDUNGAN

	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xii
	SENARAI CARTA PIE	xiii
	SENARAI SINGKATAN	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan.	1
	1.2 Latar belakang masalah.	2
	1.3 Penyataan masalah.	4
	1.4 Tujuan kajian.	5
	1.5 Objektif kajian.	6
	1.6 Persoalan kajian.	6
	1.7 Kepentingan kajian.	7
	1.8 Hipotesis kajian.	7
	1.9 Skop kajian.	8
	1.10 Batasan kajian.	8
	1.11 Definisi operasi.	9
	1.12 Kerangka kajian teoritikal.	11
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	12
	2.1 Pengenalan.	12
	2.2 Gaya pembelajaran	12
	2.3 Teori pembelajaran	17
	2.3.1 Teori behaviorisme.	17
	2.3.2 Teori kognitivisme.	18
	2.3.3 Teori konstruktivisme.	19
	2.3.4 Teori pembelajaran Bloom's Taxanomi (1956).	20
	2.3.5 Teori pembelajaran Rober Gagne (1989).	23
	2.3.6 Teori pembelajaran Honey & Mumford (1986).	24
	2.4 Model pembelajaran	26
	2.4.1 Model pembelajaran Canfield (1977).	27
	2.4.2 Model pembelajaran Dunn & Dunn (1975).	30
	2.4.3 Model pembelajaran Felder-Silverman	33

	Learning Style (1988).	
	2.4.4 Model pembelajaran Kolb (1984).	34
	2.4.5 Model pembelajaran VAK (1920).	36
	2.4.6 Model Skala Pembelajaran Pelajar Grasha- Riechmann (1974).	38
2.5	Kajian-kajian lepas (dalam negara).	42
2.5.1	Kajian-kajian mengenalpasti tahap gaya- gaya pembelajaran.	42
2.5.2	Kajian-kajian mengenalpasti tahap gaya- gaya pembelajaran: “Mengadaptasikan Gaya Pembelajaran Pelajar ESL: Satu Kajian Kes Pelajar Tahun Satu di Universiti Kebangsaan Malaysia”.	44
2.5.3	Kajian-kajian mengenalpasti tahap gaya-gaya pembelajaran: “Orientasi pembelajaran Guru Pelatih Kursus Perguruan Lepas Ijazah Maktab Perguruan Batu Lintang”.	45
2.6	Kajian-kajian lepas (luar negara).	46
2.6.1	Kajian-kajian mengenalpasti tahap gaya-gaya pembelajaran.	46
2.6.2	Kajian hubungan gaya pembelajaran pelajar dari segi jantina.	46
2.6.3	Kajian tentang “ <i>Learning and teaching styles in engineering education</i> ”.	47
2.6.4	Kajian tentang “ <i>Learning styles across the curriculum</i> ”.	47
2.7	Rumusan.	48
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	49
3.1	Pengenalan.	49
3.2	Rekabentuk kajian.	49
3.3	Responden kajian.	50
3.4	Instrumen kajian.	52
3.5	Kajian rintis.	54
3.6	Prosedur kajian.	55
3.7	Pengumpulan data.	56
3.8	Penganalisan data.	56
3.9	Kronologi kajian.	59
3.10	Jangkaan dapatan.	61
3.11	Rumusan.	62
BAB 4	ANALISIS DATA	63
4.1	Pengenalan.	63
4.2	Analisis kajian.	63

4.2.1	Analisis data demografi responden.	64
4.2.2	Persoalan kajian 1: Apakah gaya pembelajaran yang dominan dalam kalangan pelajar semester akhir program sijil di IKM Johor Bahru?.	70
4.2.3	Persoalan kajian 2: Apakah perbezaan gaya pembelajaran pelajar semester akhir program sijil berdasarkan jantina di IKM Johor Bahru?.	76
4.2.4	Persoalan kajian 3: Apakah perbezaan gaya pembelajaran pelajar semester akhir program sijil berdasarkan program di IKM Johor Bahru?.	77
4.2.5	Persoalan kajian 4: Apakah hubungan di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar semester akhir di IKM Johor Bahru?.	78
4.3	Rumusan.	79
BAB 5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	80
5.1	Pengenalan.	80
5.2	Perbincangan dapatan kajian	80
5.2.1	Perbincangan demografi responden.	81
5.2.2	Gaya pembelajaran yang dominan dalam kalangan pelajar semester akhir peringkat sijil di IKM Johor Bahru.	82
5.2.3	Perbezaan gaya pembelajaran berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar peringkat sijil di IKM Johor Bahru.	85
5.2.4	Perbezaan gaya pembelajaran berdasarkan program dalam kalangan pelajar peringkat sijil di IKM Johor Bahru.	87
5.2.5	Hubungan di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar peringkat sijil di IKM Johor Bahru.	89
5.3	Kesimpulan.	92
5.4	Cadangan.	93
5.5	Penutup.	94
	RUJUKAN	95
	LAMPIRAN	102

SENARAI JADUAL

2.1	Elemen-elemen gaya pembelajaran Canfield (1997)	27
2.2	Model gaya pembelajaran Felder-Silverman (1988)	33
2.3	Ciri-ciri gaya pembelajaran Kolb	36
3.1	Taburan populasi responden	51
3.2	Pembahagian soalan dalam instrumen soal selidik	53
3.3	Skala skor Likert lima mata	54
3.4	Nilai Alpha Cronbach	55
3.5	Tahap pentafsiran nilai min	57
3.6	Kaedah analisis data menggunakan perisian SPSS	58
3.7	Tafsiran indeks pekali korelasi (r)	59
3.8	Jangkaan dapatan kajian	61
4.1	Analisis data jantung	65
4.2	Analisis data bangsa	66
4.3	Analisis pendapatan keluarga	67
4.4	Analisis nilai PNGK/CGPA	68
4.5	Analisis taburan responden mengikut program	69
4.6	Analisis dapatan domain aktivis	71
4.7	Analisis dapatan domain reflektif	72
4.8	Analisis dapatan domain teoritis	73
4.9	Analisis dapatan domain pragmatik	74
4.10	Analisis min keseluruhan mengikut domain	75
4.11	Perbezaan gaya pembelajaran berdasarkan jantung	76
4.12	Perbezaan gaya pembelajaran berdasarkan program	77
4.13	Hubungan gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik	78
5.1	Kedudukan gaya-gaya pembelajaran (<i>Ranking</i>)	84

SENARAI RAJAH

1.1	Kerangka kajian teoritikal	11
2.1	Kriteria domain kognitif	21
2.2	Kriteria domain aktivis	21

2.3	Kriteria domain psikomotor	22
2.4	Tahap-tahap peredaran proses pembelajaran Honey & Mumford (1986)	26
2.5	Gaya pembelajaran Kolb	35
3.1	Perkaitan di antara populasi dan responden	51
3.2	Kronologi kajian	60

SENARAI CARTA PIE

4.1	Taburan responden mengikut jantina	65
4.2	Taburan responden mengikut bangsa	66
4.3	Jumlah pendapatan keluarga	67
4.4	Nilai PNGK/CGPA	68
4.5	Taburan responden mengikut program	70

SENARAI SINGKATAN

MARA	-	Majlis Amanah Rakyat
IPMa	-	Institusi Pengajian MARA
BKT	-	Bahagian Kemahiran dan Teknikal
KKTM	-	Kolej Kemahiran Tinggi MARA
IKM	-	Institut Kemahiran MARA
IKMJB	-	Institut Kemahiran MARA Johor Bahru
UPP	-	Unit Penilaian dan Persijilan
UPPIKMKB	-	Unit Penilaian dan Persijilan Institut Kemahiran MARA Johor Bahru
UTHM	-	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia
UKM	-	Universiti Kebangsaan Malaysia
PMP	-	Pegawai Mengawal Pusat
PNGK	-	Purata Nilai Gred Keseluruhan
CGPA	-	Cumulative Grade Point Average
KS	-	Kedudukan Bersyarat
KB	-	Kedudukan Baik
P&P	-	Pengajaran dan Pembelajaran
SPSS	-	Statistical Packages for the Social Sciences
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
SPMV	-	Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional
ICT	-	Information and Communication Technology
ABM	-	Alat Bantu Mengajar
VAK	-	Visual, Audio, Kinestetik
KPLI	-	Kursus Perguruan Lulusan Ijazah
MBTI	-	Myers-Briggs Type Indicator
STED	-	Sijil Teknologi Kejuruteraan Elektrik & Domestik
STEK	-	Sijil Teknologi Kejuruteraan Penjaga Elektrik
STMI	-	Sijil Teknologi Kejuruteraan Mekanik Industri
STMP	-	Sijil Teknologi Kejuruteraan Pembuatan
STLR	-	Sijil Teknologi Kejuruteraan Lukisan Rekabentuk
STMR	-	Sijil Teknologi Kejuruteraan Maritime
STEC	-	Sijil Teknologi Kejuruteraan Elektronik Komunikasi & Instrumen
STKM	-	Sijil Teknologi Kejuruteraan Mekatronik
STEK	-	Sijil Teknologi Kimpalan
STEP	-	Sijil Teknologi Elektropenyaduran

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A	Kerangka matrik kajian (<i>Carta Gantt</i>)	102
LAMPIRAN B	Jadual saiz sampel Krejcie & Morgan (1970)	104
LAMPIRAN C	Surat kebenaran menjalankan kajian	105
LAMPIRAN D	Borang soal selidik	108
LAMPIRAN E	Borang pengesahan semakan soal selidik	114
LAMPIRAN F	Nilai Alpha Cronbach	122
LAMPIRAN G	Data responden	124
LAMPIRAN H	Analisis gaya aktivis	126
LAMPIRAN I	Analisis gaya reflektif	130
LAMPIRAN J	Analisis gaya teoris	134
LAMPIRAN K	Analisis gaya pragmatis	138
LAMPIRAN L	Skor min & peratusan	142
LAMPIRAN M	Ujian-t tak bersandar	146
LAMPIRAN N	Ujian ANOVA sehalu	147
LAMPIRAN O	Ujian korelasi Pearson	149

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Seiring dengan perkembangan pesat yang berlaku di dalam dunia pendidikan pada hari ini tidak kiralah sama ada di peringkat sekolah rendah dan menengah ataupun di peringkat pendidikan yang lebih tinggi seperti di kolej-kolej atau di universiti-universiti awam atau swasta, gaya pembelajaran yang diamalkan oleh para pelajar khususnya turut sama berubah mengikut perubahan dan perkembangan tersebut. Mohamed Nor (1993) mentakrifkan bahawa pembelajaran merupakan kegiatan yang bergantung kepada akal. Justeru itu, proses pembelajaran dilihat sebagai suatu proses pemikiran menggunakan akal yang disokong oleh segala kemudahan fizikal yang disediakan untuk memberi kesan yang lebih baik kepada para pelajar dalam memahami sesuatu bidang yang dipelajarinya.

Sehubungan dengan itu, gaya pembelajaran yang diamalkan oleh para pelajar hari ini juga dilihat amat berbeza berbanding pada zaman dahulu. Kini dengan bantuan kemudahan ICT dan internet sebagai contohnya, para pelajar begitu mudah untuk mengekses dan memperolehi apa sahaja bentuk ilmu pengetahuan yang diperlukan tanpa mereka perlu keluar dari rumah atau tidak perlu ke mana-mana pusat gedung ilmu yang lain seperti perpustakaan dan sebagainya. Menurut Puteh dan Abd Salam (2011), pelajar sekolah kini lebih berminat menggunakan ICT, melayari internet untuk mengakses maklumat, serta mempunyai laman web mereka sendiri dengan mendaftar dalam *myspace*, *friendster*, *blogspot*, *facebook* dan sebagainya.

Sungguhpun begitu, proses pendidikan sebenarnya tidaklah sebegitu mudah dan sesenang seperti yang difikirkan. Terdapat banyak lagi perkara-perkara utama

yang perlu diambil berat terutamanya dalam aspek keberkesanan proses penyampaian P&P oleh para pensyarah atau guru-guru terhadap para pelajarnya. Menurut Abu et al. (2007), pelajar mempunyai tahap motivasi yang berbeza, berbeza sikap terhadap pengajaran dan pembelajaran, memberi respon yang berbeza kepada persekitaran bilik darjah dan amalan pengajaran.

Dengan itu, seseorang pensyarah atau guru sebagai contohnya perlulah bijak dalam mengendalikan sesi kuliahnya agar segala ilmu yang disampaikan boleh difahami sebaiknya oleh para pelajar dan seterusnya berjaya membentuk sikap pelajar yang baru. Menurut Abdul Ghafar et al. (1997), menyatakan bahawa salah satu sebab kegagalan di institusi pendidikan awam adalah disebabkan oleh gaya pembelajaran yang tidak sesuai dengan minat pelajar. Manakala Liew (2007) pula menyatakan, para guru perlu mencari idea pembelajaran dan bahan bantu mengajar yang menarik untuk memotivasikan minat dan mewujudkan daya tarikan dalam proses pembelajaran kurikulum pendidikan.

Oleh yang demikian, gaya pembelajaran dilihat sebagai salah satu elemen utama yang boleh mempengaruhi keberkesanan dan kejayaan sesuatu proses P&P. Menurut Mustafa (2007), memahami gaya pembelajaran dan mengakui hakikat bahawa setiap pelajar mempunyai gaya tersendiri dalam mempelajari sesuatu boleh membantu dalam memahami isu ini. Menurut McKeachie (1995), gaya pembelajaran merujuk kepada cara tersendiri seseorang itu belajar dan memperolehi pengetahuan.

Sehubungan dengan itu, para pelajar itu sendiri haruslah juga mampu mengenalpasti apakah gaya pembelajaran yang mereka gemari masing-masing. Ini kerana, gaya pembelajaran yang diminati oleh setiap pelajar adalah berbeza-beza dan tidak sama di antara satu dengan yang lain terutamanya apabila melibatkan perbezaan jantina, umur, bangsa dan sebagainya. Ini selaras dengan Gremler (1996) yang menyatakan bahawa gaya pembelajaran melibatkan aspek-aspek personaliti, pemprosesan maklumat, interaksi sosial, kecenderungan terhadap garis panduan, tumpuan perhatian terhadap sesuatu yang baru, unik dan terdapatnya kelainan dalam diri individu.

1.2 Latar belakang masalah

Pembangunan yang pesat dalam bidang pendidikan pada masa kini memerlukan negara bersaing di peringkat global. Persaingan ini memerlukan rakyat Malaysia

untuk meningkatkan mutu taraf pendidikan dari tahap bawah hingga ke tahap yang terbaik yang mungkin. Pembangunan yang pesat dalam pelbagai bidang ekonomi, politik, sains dan teknologi, memacu negara untuk membentuk rakyat yang mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi dalam pelbagai bidang terutamanya bidang pendidikan kemahiran.

Justeru, Institut Kemahiran MARA Johor Bahru (IKMJB) merupakan salah satu dari beberapa buah IKM yang telah diwujudkan oleh pihak Majlis Amanah Rakyat (MARA) untuk melatih dan memberi tunjuk ajar yang komprehensif kepada para pelajar lepasan sekolah yang berminat dalam bidang kemahiran secara *hands-on* sebelum mereka menceburkan diri dalam pelbagai bidang pekerjaan atau menjadi usahawan yang berjaya di suatu masa kelak. Di institusi ini terdapat 10 program yang ditawarkan kepada lepasan-lepasan SPM, SPMV dan pusat GiatMARA untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat sijil. Selain itu, terdapat dua (2) lagi program iaitu di peringkat diploma yang turut ditawarkan di institusi ini (Bahagian Kemahiran & Teknikal (BKT) MARA, 2011).

Keseluruhan program yang ditawarkan di institusi ini adalah terbuka kepada semua lepasan sekolah menengah sama ada kepada pelajar lelaki ataupun perempuan yang berminat di dalam mana-mana bidang kemahiran yang disukai. Namun, institusi latihan kemahiran ini hanya menerima pelajar-pelajar dari kaum bumiputera sahaja seperti kaum Melayu di Semenanjung Malaysia dan termasuklah penduduk peribumi di Sabah dan Sarawak. Had umur yang dibenarkan adalah di antara 18 – 45 tahun sahaja. Di peringkat sijil, tempoh latihan ialah selama empat (4) semester sahaja (2 tahun) iaitu tiga (3) semester di dalam kampus IKM Johor Bahru dan satu (1) semester di dalam latihan industri manakala di peringkat diploma adalah selama enam (6) semester (BKT MARA, 2011).

Kaedah pembelajaran dan pengajaran (P&P) di IKM Johor Bahru ini pula adalah berbentuk latihan secara *hands-on* yang komprehensif di dalam pelbagai bidang kemahiran yang ditawarkan di samping pembelajaran secara teoritikal. Oleh itu, aspek pembelajaran di institusi ini terbahagi kepada lima (5) bidang utama iaitu Bidang Teras Utama (*Core*), Bidang Teras Umum (*Common Core*), Pengajian Am (*Common*), Ko-Kurikulum dan Pembangunan Sahsiah.

Dalam aspek proses pembelajarannya pula, seseorang pelajar di IKM ini haruslah mengenalpasti gaya pembelajaran yang sesuai dengan dirinya bagi mencapai keputusan yang baik dalam peperiksaan dan mengelakkan daripada

tersenarai dalam kategori Pelajar Kedudukan Bersyarat (KS) dan Kedudukan Gagal (KG). Kategori KS adalah di antara PNGK 1.70 – 2.00 dan Kategori KG pula ialah dibawah PNGK 1.70. Seseorang pelajar haruslah berusaha untuk mencapai Kedudukan Baik (KB) dan mendapat PNGK lebih 2.00 dalam peperiksaan (Unit Penilaian & Persijilan (UPP) IKMJB, 2011).

Sehubungan dengan itu, gaya pembelajaran dilihat suatu perkara yang mustahak dalam menentukan pencapaian pelajar di institusi ini. Dengan itu, kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan gaya pembelajaran pelajar adalah penting supaya pelajar dapat belajar dengan lebih berkesan. Seseorang pensyarah perlu mengetahui gaya pembelajaran yang diamalkan oleh majoriti pelajarannya. Pensyarah juga harus tahu bahawa pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza dan sebab itulah tiada satu kaedah mengajar yang terbaik untuk semua pelajar.

Pensyarah haruslah membantu pelajar mengenalpasti gaya pembelajaran mereka dengan menyediakan tugas atau menggunakan kaedah mengajar yang melibatkan pelbagai gaya pembelajaran. Pelaksanaan aktiviti-aktiviti pengajaran yang sesuai dengan gaya pembelajaran pelajar akan dapat meningkatkan pencapaian mereka dan juga keyakinan terhadap kebolehan mereka sendiri. Oleh itu, pensyarah harus menggunakan pelbagai kaedah atau aktiviti pengajaran dan pembelajaran supaya pelajar yang mempunyai gaya pembelajaran berbeza-beza itu dapat belajar dengan berkesan dan menguasai objektif hasil pembelajaran.

Kesimpulannya, gaya pembelajaran memainkan peranan yang penting dalam proses pembelajaran pelajar demi mencapai kejayaan. Oleh itu kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti gaya pembelajaran pelajar dalam kalangan program peringkat sijil di IKM Johor Bahru.

1.3 Penyataan masalah

Latihan kemahiran (*skill training*) yang berasaskan praktikal *hands-on* ini sudah sekian lama dilaksanakan oleh pihak Majlis Amanah Rakyat (MARA) bagi melatih para lepasan sekolah yang berminat dengan bidang kemahiran dan ketukangan melalui penubuhan IKM yang pertama iaitu IKM Melaka (kini dikenali sebagai IKM Jasin) sejak tahun 1968 yang lalu lagi. Manakala, IKM Johor Bahru pula adalah merupakan salah satu IKM terawal yang ditubuhkan untuk melatih para pelajar di dalam bidang kemahiran ini (BKT MARA, 2011).

Walaupun bagaimanapun, persoalan yang timbul adalah sejauhmanakah kaedah penyampaian P&P dan pelaksanaan latihan kemahiran secara *hands-on* ini benar-benar telah dilaksanakan bagi mencapai objektif yang telah dimatlamatkan. Ini kerana, terdapat beberapa kemerosotan yang berlaku dalam keputusan pencapaian akademik pelajar peringkat sijil ini. Berdasarkan kepada keputusan penilaian semester-semester yang lepas menunjukkan bahawa, terdapat dalam kalangan pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dalam bidang kemahiran praktikal tetapi merosot pula dalam bidang teoritikal dan ada pula yang sebaliknya.

Menurut Abu et al. (2007) menyatakan bahawa punca kemerosotan pencapaian akademik pelajar kerana tidak mempunyai gaya pembelajaran yang betul. Maka, ini jelas menunjukkan bahawa gaya pembelajaran yang tidak digemari oleh pelajar boleh menyebabkan faktor kepada kemerosotan tersebut berlaku. Ini kerana menurut Griggs (1991) menyatakan bahawa, penggunaan gaya pembelajaran yang betul adalah amat penting untuk meningkatkan keputusan akademik.

Maka dengan itu, dalam kajian ini pengkaji hendak melihat adakah kemerosotan tersebut disebabkan oleh gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar tidak bersesuaian dengan bidang yang mereka ceburi. Sehubungan dengan itu juga, pengkaji hendak mengetahui apakah jenis gaya pembelajaran yang digemari oleh pelajar di IKM Johor Bahru. Selain itu, di samping mengenalpasti apakah terdapat perbezaan gaya pembelajaran yang wujud berdasarkan faktor jantina dan program, pengkaji juga hendak melihat bagaimana hubungan di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar.

1.4 Tujuan kajian

Kajian ini dibuat bertujuan untuk mengenalpasti gaya pembelajaran yang dominan dalam kalangan pelajar semester akhir peringkat sijil di IKM Johor Bahru berdasarkan teori pembelajaran Honey & Mumford (1986) melalui domain-domain aktivis, reflektif, teoris dan pragmatis. Dengan itu, hasil kajian ini dapat memberikan gambaran sebenar tentang gaya pembelajaran yang digemari oleh para pelajar di institusi ini.

Selain itu, pengkaji juga ingin mengenalpasti perbezaan gaya pembelajaran pelajar tahun akhir ini berdasarkan faktor jantina dan juga kepelbagaian program-program yang terdapat di IKM Johor Bahru ini. Hasil dapatan kajian ini bertujuan

untuk memberi gambaran kepada para pensyarah terutamanya di dalam penyediaan bahan-bahan untuk P&P sekiranya berhadapan dengan para pelajar yang berlainan jantina ataupun berlainan program. Akhir sekali, pengkaji juga ingin mengetahui hubungan gaya pembelajaran dengan tahap pencapaian akademik pelajar di institusi ini. Di sini, pengkaji dapat mengenalpasti sama ada gaya-gaya pembelajaran tersebut mempengaruhi pencapaian akademik pelajar-pelajar tersebut ataupun tidak.

1.5 Objektif kajian

Di antara beberapa objektif kajian ini ialah:

- (a) Menenalpasti gaya pembelajaran yang dominan dalam kalangan pelajar semester akhir program peringkat sijil di IKM Johor Bahru.
- (b) Menenalpasti perbezaan gaya pembelajaran pelajar semester akhir program peringkat sijil berdasarkan faktor jantina di IKM Johor Bahru.
- (c) Menenalpasti perbezaan gaya pembelajaran pelajar semester akhir program peringkat sijil berdasarkan program di IKM Johor Bahru.
- (d) Mengetahui hubungan di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar semester akhir program peringkat sijil di IKM Johor Bahru.

1.6 Persoalan kajian

Terdapat empat (4) persoalan kajian yang dikemukakan oleh pengkaji dalam kajian ini iaitu:

- (a) Apakah gaya pembelajaran yang dominan dalam kalangan pelajar semester akhir program peringkat sijil di IKM Johor Bahru?
- (b) Apakah terdapat perbezaan gaya pembelajaran pelajar semester akhir program peringkat sijil berdasarkan jantina di IKM Johor Bahru?
- (c) Apakah terdapat perbezaan gaya pembelajaran pelajar semester akhir program peringkat sijil berdasarkan program di IKM Johor Bahru?
- (d) Adakah terdapat hubungan di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar semester akhir di IKM Johor Bahru?

1.7 Kepentingan kajian

Berdasarkan kepada pernyataan masalah, tujuan kajian dan persoalan kajian yang telah dibincangkan sebelum ini maka, pengkaji menggariskan kepentingan kajian ini kepada beberapa perkara iaitu:

- (a) Para pensyarah di IKM Johor Bahru khususnya atau IKM seluruh Malaysia dapat mengenal pasti gaya pembelajaran yang dominan atau yang amat digemari oleh pelajar.
- (b) Sebagai sumber maklumat atau garis panduan kepada semua pensyarah IKM di seluruh Malaysia di dalam pelaksanaan proses P&P di peringkat program sijil. Sekiranya bersesuaian, ianya juga boleh dijadikan garis panduan kepada para pensyarah peringkat diploma di semua KKTm yang terdapat di Malaysia.
- (c) Sebagai penentu aras (*bench mark*) dalam pembangunan alat bantuan mengajar (ABM) oleh para pensyarah untuk meningkatkan kualiti P&P terhadap pelajar IKM di seluruh Malaysia.

1.8 Hipotesis kajian

Dalam membincangkan hipotesis kajian ini, terdapat dua (2) jenis hipotesis iaitu hipotesis *null*, H_0 dan hipotesis *alternative*, H_a yang telah dibangunkan oleh pengkaji iaitu:

- (a) Hipotesis satu (1): Perbezaan gaya pembelajaran pelajar semester akhir berdasarkan kelainan jantina di IKM Johor Bahru.

Ho: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik dari aspek gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar semester akhir berdasarkan jantina di IKM Johor Bahru, bersamaan aras signifikan $\alpha = 0.05$.

Ha: Terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik dari aspek gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar semester akhir berdasarkan jantina di IKM Johor Bahru, bersamaan aras signifikan $\alpha = 0.05$.

(b) Hipotesis dua (2): Perbezaan gaya pembelajaran pelajar semester akhir berdasarkan kelainan program di IKM Johor Bahru.

Ho: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik dari aspek gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar semester akhir berdasarkan program di IKM Johor Bahru, bersamaan aras signifikan $\alpha = 0.05$.

Ha: Terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik dari aspek gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar semester akhir berdasarkan program di IKM Johor Bahru, bersamaan aras signifikan $\alpha = 0.05$.

(c) Hipotesis tiga (3): Hubungan gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar semester akhir program peringkat sijil di IKM Johor Bahru.

Ho: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar semester akhir di IKM Johor Bahru, bersamaan aras signifikan $\alpha = 0.05$.

Ha: Terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar semester akhir di IKM Johor Bahru, bersamaan aras signifikan $\alpha = 0.05$.

1.9 Skop kajian

Untuk melaksanakan kajian ini, pengkaji telah memilih Teori Pembelajaran Honey dan Mumford (1986) sebagai skop kajian. Dalam teori ini, terdapat empat domain utama yang telah diperkenalkan oleh Honey dan Mumford (1986) iaitu domain aktivis, reflektif, teoris dan pragmatis. Teori pembelajaran ini dipilih kerana ianya dilihat lebih sesuai dengan bidang latihan kemahiran yang sedang dilaksanakan di IKM Johor Bahru ini.

1.10 Batasan kajian

Dalam pelaksanaan kajian ini, pengkaji telah menghadkan kajian ini kepada beberapa batasan yang utama. Tujuan batasan kajian ini dilaksanakan adalah untuk memudahkan pengkaji untuk melaksanakan kajian ini agar ianya tidak terlalu luas dan tidak terlampau kecil malah ianya juga lebih menumpu secara jelas kepada tajuk kajian yang ingin dikaji. Di antara beberapa batasan-batasan kajian tersebut adalah:

- (a) Kajian ini hanya dilaksanakan di IKM Johor Bahru sahaja.
- (b) Responden yang dipilih adalah semua pelajar semester akhir sahaja.
- (c) Pengkhususan adalah kepada program-program di peringkat sijil sahaja.

1.11 Definisi operasi

Tujuan penulisan definisi operasi ini adalah untuk menerangkan dengan lebih jelas lagi makna-makna perkataan utama yang terlibat dalam kajian ini.

(i) Gaya

Gaya menurut Santrock (2000), ialah salah satu cara seseorang menggunakan keupayaannya. Justeru itu, di dalam kajian ini gaya adalah merujuk kepada stail atau kaedah yang diamalkan oleh para pelajar semester akhir di IKM Johor Bahru dalam mempelajari ilmu pengetahuan sama ada di dalam bidang praktikal dan teoritikal.

(ii) Gaya pembelajaran

Gaya bererti sikap, kesukaan dan cara berkelakuan yang menjadi ciri-ciri seseorang. Pembelajaran pula bererti berusaha, berlatih dan sebagainya untuk mendapat sesuatu sama ada kepandaian dan lain-lain (Kamus Dewan, 2005). Gaya pembelajaran menurut Yusof et al. (2005) bermaksud kecenderungan individu dalam cara menerima dan memproses maklumat yang merupakan satu faktor perbezaan individu. Sehubungan dengan itu, di dalam kajian ini gaya pembelajaran bermaksud cara belajar yang digemari atau yang sering diamalkan oleh para pelajar bagi mendapatkan ilmu pengetahuan yang dipelajari dengan sebaiknya.

(iii) Kaedah pengajaran

Kaedah pengajaran oleh pengajar merujuk kepada proses pengajaran yang dilaksanakan yang menghasilkan kesan pembelajaran di kalangan pelajar (Mok, 2001). Jadi, di dalam kajian ini kaedah pengajaran bermaksud cara atau pendekatan yang digunakan oleh tenaga pengajar atau pensyarah di institusi ini dalam menyampaikan ilmu kepada para pelajarnya.

(iv) Pencapaian akademik

Menurut Kamus Dewan (2005), pencapaian bererti apa yang telah dicapai atau prestasi. Akademik pula berkaitan dengan akademi (pusat pengajian tinggi) dan bersifat atau mengandungi ilmu pengetahuan (yang tinggi atau mendalam). Pencapaian akademik menurut Mohamad Zakaria (2007), lebih berfokus kepada gred yang diperolehi oleh seseorang pelajar dalam peperiksaan. Sehubungan dengan itu, di dalam kajian ini pencapaian akademik juga merupakan salah satu perkara yang mustahak dan begitu penting kepada para pelajar semester akhir di IKM Johor Bahru ini bagi menentukan sama ada mereka berjaya ataupun tidak di akhir sesi pengajian nanti.

(v) Dominan

Kamus Dwibahasa Oxford Fajar (2006) dalam edisi keempat menyatakan bahawa dominan diistilahkan sebagai merujuk kepada yang paling berpengaruh, paling menonjol dan yang paling disukai ramai. Maka di dalam kajian ini, dominan adalah merujuk kepada jenis gaya pembelajaran yang sering diamalkan dan paling digemari oleh para pelajar di dalam proses P&P mereka di IKM Johor Bahru ini.

(vi) Pelajar

Pelajar merupakan seseorang individu yang sedang menimba ilmu pengetahuan. Justeru itu, di dalam kajian ini pelajar adalah merupakan pelajar di semester akhir yang sedang menjalani latihan di dalam bidang kemahiran secara praktikal *hands-on* di samping matapelajaran-matapelajaran teoritikal yang lain di institusi ini.


(vii) Program peringkat sijil

Di IKM Johor Bahru ini terdapat dua (2) jenis program yang sedang ditawarkan kepada para pelajar lepasan SPM, SPMV dan sebagainya iaitu program di peringkat diploma dan sijil. Walaubagaimanapun dalam kajian ini, hanya program-program di peringkat sijil sahaja yang terlibat secara langsung di dalam kajian ini.

1.12 Kerangka kajian teoritikal

Bagi memudahkan proses pelaksanaan kajian ini, pengkaji menterjemahkan konsep kajian ini secara mudah sepertimana kerangka kerja teoritikal kajian dalam rajah 1.1 yang disediakan di muka surat sebelah.

Melalui rajah tersebut, dapat dilihat bahawa para pelajar diuji dan dinilai dengan menggunakan domain-domain aktivis, reflektif, teoris dan pragmatis. Sehubungan dengan itu, pelajar semester akhir perlulah menjawab ke semua soalan-soalan yang disediakan di dalam instrumen kajian bagi mendapatkan data-data mentah. Kemudiannya data-data mentah tersebut diproses dan dianalisa dengan menggunakan perisian SPSS Versi 16.0 bagi menghasilkan dapatan kajian. Hasil-hasil dapatan kajian yang diperolehi kemudiannya digunakan bagi menjawab keempat-empat persoalan kajian yang telah dinyatakan sebelum ini sama ada untuk mengenalpasti gaya pembelajaran yang dominan, mengenalpasti perbezaan gaya pembelajaran berdasarkan jantina dan program serta akhir sekali untuk mengetahui hubungan di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar.



Rajah 1.1: Kerangka teoritikal kajian
(adaptasi daripada Teori Honey dan Mumford,1986)

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji membincangkan dengan jelas beberapa aspek penting bagi menyokong kajian yang dijalankan ini. Di antaranya ialah tentang gaya pembelajaran, teori-teori pembelajaran, model-model gaya pembelajaran, kajian-kajian gaya pembelajaran yang telah dibuat sama ada di dalam dan luar negara.

Dalam penghuraian bab ini, pengkaji mengupas dengan jelas mengenai beberapa pendapat dan hasil kajian yang telah dibuat oleh ahli-ahli falsafah pendidikan terdahulu tentang gaya-gaya pembelajaran ini. Di antara beberapa teori pembelajaran yang turut dibincangkan ialah Teori Behaviorisme, Teori Kognitivisme, Teori Konstruktivisme, Teori Bloom's Taxonomy (1956), Teori Honey & Mumford (1986) dan Teori Rober Gagne (1988). Manakala, model-model gaya pembelajaran yang disentuh pula di antaranya adalah Model Gaya Pembelajaran Canfield (1997), Model Gaya Pembelajaran Dunn & Dunn (1975), Model Gaya Pembelajaran Felder-Silverman Learning Style (1988), Model Gaya Pembelajaran Kolb (1984) dan Gaya Pembelajaran VAK (1920) serta Model Skala Gaya Pembelajaran Pelajar Grasha-Riechmann (1974). Selain itu, beberapa dapatan kajian lepas yang telah dilaksanakan di dalam atau luar negara turut dibincangkan. Walaubagaimanapun, pelaksanaan kajian ini hanyalah berdasarkan kepada Teori Pembelajaran Honey & Mumford (1986) sahaja.

2.2 Gaya pembelajaran

Secara umumnya, gaya pembelajaran merupakan elemen utama untuk menentukan tahap kefahaman dan pengetahuan pelajar tentang ilmu yang sedang dipelajarinya.

Gaya pembelajaran itu juga dilihat berbeza-beza di antara seorang pelajar dengan pelajar yang lain. Renzulli dan Smith (1978) mentakrifkan bahawa gaya pembelajaran sebagai satu bidang strategi pengajaran yang mana pelajar cuba menuntut pembelajaran. Mereka berpendapat bahawa pelajar dapat belajar dengan lebih berkesan sekiranya pengajaran guru selari dengan gaya pembelajaran pelajar. Dengan itu, penyesuaian dalam pengajaran perlu dilakukan untuk melayani gaya pembelajaran pelajar. Manakala Keri (2002) pula menyatakan bahawa, lelaki dan perempuan mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza di antara satu sama lain.

Gaya pembelajaran adalah penting kepada seseorang pelajar. Ini kerana gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar akan mempengaruhi pencapaian akademik mereka. Menurut Yahaya et al. (2003), gaya pembelajaran akan mempengaruhi pencapaian akademik pelajar, maka pemilihan gaya belajar yang baik merupakan satu tugas yang berat. Memang wujud beberapa gaya pembelajaran pelajar yang sering diamalkan, namun ada yang menampakkan perbezaan-perbezaan yang agak ketara. Misalnya, terdapat pelajar yang bergantung kepada pembelajaran melalui pengajaran guru dan ada pula yang memberi banyak penekanan pada pembelajaran secara sendiri. Kesesuaian gaya belajar adalah bergantung kepada diri seseorang pelajar. Pemilihan gaya pembelajaran adalah bergantung kepada kesesuaian individu itu sendiri.

Menurut Rashid (2008), pelajar lebih suka belajar dalam situasi yang digemari oleh diri mereka sendiri. Terdapat juga pelajar yang gemar belajar berseorangan dan terdapat juga yang suka belajar secara berkumpulan. Ada juga pelajar yang suka belajar dengan mendengar syarahan atau penerangan oleh guru serta ada juga yang lebih gemar dengan membuat pemerhatian dan nota semasa belajar. Namun pembelajaran adalah bergantung kepada dorongan atau motivasi dalam diri pelajar di samping faktor-faktor yang turut membantu dalam proses pembelajaran pelajar.

Hal ini dapat dilihat dalam kajian Yahaya et al. (2003), di mana menurut beliau bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara perbezaan gaya pembelajaran dengan latar belakang keluarga dan juga terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor rangsangan rakan sebaya, keluarga dan pengajaran guru dengan gaya pembelajaran pelajar. Gaya pembelajaran juga boleh dikelaskan dalam beberapa lapis, seperti mana dikelaskan oleh Yahaya et al. (2004), gaya

pembelajaran terdiri daripada empat lapis iaitu model sahsiah, model pemprosesan maklumat, model interaksi sosial dan model medium pembelajaran yang disukai.

Selain itu, Kolb (1985) pula berpendapat bahawa dalam proses pembelajaran, semua pelajar yang berkesan perlu berkebolehan dalam aspek pengalaman konkrit (*concrete experience*), pemerhatian reflektif (*reflective observation*), konseptualisasi abstrak (*abstract conceptualization*) dan eksperimentasi aktif (*active experimentation*). Manakala Keefe (1987) pula berpendapat bahawa, gaya pembelajaran merangkumi tiga aspek, iaitu kognitif, aktivis dan psikologikal. Gaya kognitif melibatkan pemprosesan maklumat, gaya aktivis melibatkan tindak balas yang berasaskan motivasi manakala gaya psikologikal bersifat tabiat yang berkaitan dengan unsur-unsur seks, kesihatan dan alam sekitar. Beliau mentakrifkan pembelajaran sebagai satu proses dalaman dan berpendapat bahawa pembelajaran hanya berlaku apabila terdapatnya perubahan tabiat sama ada secara kekal atau sementara bagi seseorang individu.

Gaya pembelajaran secara umumnya merujuk kepada cara atau stail pembelajaran seseorang individu. Menurut Dunn dan Dunn (1980), gaya pembelajaran ialah cara seseorang pelajar memproses serta mengekalkan maklumat baru. Gaya pembelajaran bergantung kepada ciri-ciri biologi dan perkembangan sahsiah seseorang dan ianya dipengaruhi oleh persekitaran, emosi, pengaruh sosial dan perasaan individu. Akibatnya, sesuatu pengajaran boleh jadi berkesan bagi seorang pelajar tetapi tidak berkesan bagi pelajar yang lain kerana gaya pembelajaran mereka adalah berbeza di antara satu dengan yang lain.

Dalam proses pembelajaran, tidak semua orang memperolehi kebolehan yang sama. Travers (1979) mengatakan bahawa, pelajar-pelajar belajar melalui banyak saluran seperti penglihatan, pendengaran, sentuhan (biasanya penting di peringkat awal), merasa dan membau. Sesetengah pelajar memerlukan pertolongan guru sepenuhnya dan yang lain mencapainya secara 'berdikari' atau 'tanpa bergantung' kepada mana-mana individu yang lain. Selain itu, ada pelajar yang belajar dengan aktif secara berkumpulan, sebaliknya ada yang lebih suka belajar bersendirian.

Pengetahuan tentang gaya pembelajaran sendiri adalah penting dalam pembelajaran. Pelajar yang meneruskan pengajian di universiti atau mana-mana pusat pendidikan kebanyakannya tidak menyedari sepenuhnya gaya pembelajaran yang paling sesuai dengan diri mereka. Ini menyebabkan mereka secara berterusan mempraktikkan gaya pembelajaran yang kurang produktif tanpa menyedari mereka

sebenarnya mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza dalam proses pembelajaran. Menurut Kamaruddin dan Mohamad (2011), setiap individu yang bergelar pelajar yang belajar di mana-mana pusat pengajian semestinya mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri. Oleh itu, pelajar haruslah mengetahui dan mengenali gaya pembelajaran mereka sendiri supaya mereka dapat menyedari gaya pembelajaran yang paling sesuai dan membolehkan mereka menggunakan pendekatan pembelajaran yang pelbagai agar mendapat kesan pembelajaran yang optimum (Entwistle, 1981).

Pembelajaran ialah melibatkan usaha menguasai kemahiran dan pengetahuan di samping membentuk sikap. Kajian dalam bidang psikologi dan pendidikan menunjukkan individu mempunyai kemahiran yang berbeza memproses maklumat. Kaedah tersendiri individu mencari, menyimpan dan mengeluarkan semula maklumat dikenali sebagai gaya pembelajaran (Felder, 1995). Oleh itu untuk berjaya, individu pelajar perlu memiliki sifat belajar dan menguasai kaedah belajar yang bersesuaian untuk mendapatkan pengetahuan dan kemahiran.

Walaupun bagaimanapun, kemungkinan juga wujudnya pelajar yang berhadapan dengan konflik belajar apabila tidak memiliki gaya pembelajaran yang sesuai. Situasi ini akan menimbulkan konflik dan permasalahan di dalam P&P mereka. Selain itu, masalah juga akan berlaku apabila gaya pembelajaran pelajar tidak dapat disesuaikan dengan aktiviti dan gaya pengajaran pensyarah. Akibatnya, pelajar menjadi bosan dan tidak menumpukan perhatian dan menyebabkan mereka gagal mendapat markah tinggi dalam peperiksaan, kurang berminat pada subjek tertentu dan seterusnya berputus asa. (Abu, 2000).

Kajian oleh Bass dan Greary (1996) merumuskan bahawa salah satu cara penentuan kecekapan atau prestasi seseorang individu mempelajari dan menguasai ilmu adalah dengan menyedari gaya pembelajarannya. Penggunaan kaedah atau gaya pembelajaran yang digemari dapat membantu seseorang mengetahui dan memahami pengetahuan dan kemahiran dalam proses pembelajaran. Gaya pembelajaran yang dimiliki juga dapat membantu seseorang untuk mengenalpasti situasi pembelajaran dan mempertingkatkan prestasi pembelajaran (Dunn dan Stevenson, 1997). Pelajar yang tahu menggunakan gaya pembelajaran yang sesuai dengan dirinya akan lebih mudah membantu mereka mencapai keputusan yang lebih cemerlang. Klavas (1994) dalam kajiannya mendapati setelah pelajar diperkenalkan dengan gaya pembelajaran yang sesuai dan menggunakannya telah mendapat keputusan lebih cemerlang.

Dasar pendidikan negara menjadikan sasaran pendidikan bertaraf dunia dan secara tidak langsung meletakkan proses pendidikan sebagai satu bidang yang penting dalam kehidupan seharian. Pengiktirafan yang diberikan terhadap bidang pendidikan membawa satu implikasi dan impak yang serius terhadap profesion pengajar yang merupakan agen dalam penyampaian ilmu. Jika para pendidik memainkan peranan yang sewajarnya maka produk yang akan dihasilkan dapat memenuhi keperluan pendidikan negara. Corak pembelajaran yang bijak akan melahirkan pelajar yang bijak. Bagaimana seorang pelajar itu dapat mengikuti pelajaran di dalam kelas dan membuat ulangkaji di luar kelas biasanya bermula daripada cara seorang pengajar itu mengajar dan memberi corak pembelajaran yang berkesan hasil daripada pengajaran yang menarik.

Kecemerlangan akademik dikaitkan dengan keputusan peperiksaan (Mohd Ali, 1996). Ini kerana peperiksaan adalah satu cara untuk mengukur keupayaan dan kemampuan seseorang terhadap sesuatu ilmu dan kemahiran yang telah dipelajari. Untuk mendapat keputusan peperiksaan yang cemerlang, pelbagai perkara perlu diambil perhatian. Di antaranya adalah seperti amalan pelajar seperti teknik belajar yang berkesan, persediaan menghadapi peperiksaan, kestabilan emosi dan hubungan sosial sesama manusia memainkan peranan penting sebagai faktor kejayaan mereka. Kaedah pengajaran yang diamalkan pengajar juga memainkan penting dalam meningkatkan minat dan motivasi pelajar untuk belajar.

Tanpa proses pengajaran yang sistematik pula, pengajaran dan pembelajaran berkesan tidak mungkin dapat dilaksanakan. Menurut Mohamad Nor (1993), pembelajaran berkesan bermakna satu usaha yang teratur, bersistem, bertertib serta optimum yang menyatupadukan dan memanfaatkan ke semua komponen pembelajaran untuk kejayaan yang paling maksimum. Sehubungan dengan itu, pihak pensyarah haruslah peka akan perkara ini agar penyampaian P&P bersama pelajar dapat ditingkatkan dari masa ke semasa. Maka, para pensyarah haruslah memainkan peranan yang penting dan berusaha gigih dalam mempelbagaikan kaedah dan teknik penyampaian mereka dari masa ke semasa agar ianya lebih berkesan dan mudah difahami pelajar seterusnya dapat mengekalkan minat pelajar di dalam sesuatu bidang yang diceburi.

2.3 Teori pembelajaran

Daripada bahan-bahan bacaan yang telah dibuat, pengkaji mendapati terdapat banyak teori pembelajaran yang telah pun dihasilkan oleh ahli pengkaji-pengkaji termasyhur semenjak dari dulu sehinggalah pada hari ini. Namun di dalam kajian ini, pengkaji hanya menyentuh kepada beberapa teori pembelajaran sahaja iaitu Teori Behaviorisme, Teori Kognitivisme, Teori Konstruktivisme, Teori Bloom's Taxonomi (1956), Teori Rober Gagne (1988) dan Teori Honey & Mumford (1986) bagi menyokong kajian yang dijalankan ini.

2.3.1 Teori behaviorisme

Teori ini diperkenalkan oleh aliran mazhab behavioris. Skinner (1974) adalah salah seorang yang mempelopori dan mengembangkan teori ini di peringkat awal lagi. Teori ini berpendapat bahawa pembelajaran ialah perubahan dalam tingkah laku, iaitu cara seseorang bertindak dalam suatu situasi. Pandangan ini memfokuskan kepada perubahan tingkah laku yang nyata dan dapat diperhatikan .

Di antara pandangan atau definisi pembelajaran mazhab behavioris yang boleh diterima umum ialah seperti yang diberikan oleh Kimble (1961), yang menyatakan pembelajaran sebagai perubahan potensi tingkah laku yang agak tetap akibat daripada latihan pengukuhan. Perubahan pembelajaran ini berlaku melalui empat proses iaitu perhubungan, pelaziman klasik, pelaziman operan dan pembelajaran melalui pemerhatian. Teori behaviorisme menyatakan bahawa pembelajaran berlaku apabila pelajar memperlihatkan tingkah laku secara konsisten seperti yang diinginkan iaitu pelajar memberi maklumbalas terhadap peristiwa-peristiwa yang dirangkakan. Teori ini juga menggalakkan pembelajaran melalui galakan dan rangsangan. Rangsangan boleh berbentuk pujian dan penghargaan.

Dalam sesi pembelajaran, galakan dan rangsangan akan mendorong pelajar mempelajari sesuatu bidang dengan lebih tekun. Peneguhan negatif seperti denda dan hukuman tidak digalakkan, kerana ia membawa kesan emosi dan menghalang perubahan tingkah laku. Ulangan sesuatu rangsangan dan tindak balas yang bermakna dapat mengukuhkan pembelajaran terutamanya di dalam akitiviti membina kemahiran. Pembelajaran berasaskan teori ini menyediakan pelajar terlebih dahulu daripada segi keupayaan, kematangan dan melibatkan mereka secara sukarela dalam

aktiviti. Pendekatan ini memberi kepuasan kepada pelajar. Dalam pembelajaran ini, kemudahan yang lengkap dan persekitaran yang baik adalah perlu kerana ia memberi kesan kepada latihan dan peneguhan perubahan tingkah laku (Schuman,1996).

2.3.2 Teori kognitivisme

Teori pembelajaran kognitivisme menerangkan pembelajaran sebagai perubahan dalam pengetahuan yang disimpan dalam memori. Teori ini dipelopori oleh Piaget (1954). Menurut ahli psikologi tersebut, seseorang mula belajar melalui memberi perhatian ke atas sesuatu rangsangan. Misalnya, tiupan angin yang menyebabkan dahan pokok bergoyang secara mental seseorang akan memandingkannya dengan gambaran yang sama diketahuinya dan sedar bagaimana ia padan dengan struktur kognitifnya yang lampau (memori). Dengan cara ini seseorang itu akan membentuk satu konsep baru berkenaan gambaran baru dan menyimpannya dalam ingatan mengikut bagaimana konsep itu padan dengan konsep yang lampau.

Perubahan dalam pengetahuan yang disimpan dalam memori akan membawa pelajar melakukan penemuan dan kefahaman tentang perkara yang dipelajari. Pengajar memberi kebebasan kepada pelajar untuk belajar sendiri dengan dipandu oleh pengajar. Oleh itu, susunan yang baik dan sistematik akan membawa kesan kepada proses pembelajaran yang baik kepada pelajar (Schuman,1996). Ahli psikologi kognitif menyatakan bahawa pembelajaran ialah satu proses dalaman dan tidak dapat diperhatikan secara langsung. Pembelajaran menyebabkan perubahan tingkah laku seseorang terhadap sesuatu situasi yang khusus. Perubahan tingkah laku dianggap cuma mencerminkan perubahan dalaman yang sukar untuk diperhatikan seperti pengetahuan, perasaan, harapan dan pemikiran.

Kognitif juga berkaitan dengan mental, dan ianya berkait rapat dengan ingatan jangka panjang dan ingatan jangka pendek. Ini boleh dilihat melalui teori Pemprosesan Maklumat. Teori ini menumpukan kepada bagaimana pelajar memproses maklumat oleh pelajar. Maklumat yang baru disimpan dalam ingatan jangka pendek. Kemudian diproses sebelum disimpan ke ingatan jangka panjang. kombinasi pengetahuan (maklumat yang diproses) dan kemahiran di ingatan jangka panjang akan membina strategi-strategi kognitif atau kemahiran yang berkaitan dengan tugas-tugas yang kompleks.

2.3.3 Teori konstruktivisme

Teori ini pula menerangkan pembelajaran sebagai perubahan yang berlaku akibat daripada pengalaman individu itu sendiri iaitu pengalaman lepas digunakan dalam pembelajaran. Teori ini juga dipelopori oleh Piaget (1954). Menurut beliau, seseorang itu mula belajar melalui memberi perhatian ke atas sesuatu rangsangan. Misalnya, seorang anak membina sendiri pengetahuannya melalui pengalaman bertemu dengan objek-objek di sekitarnya. Merujuk Piaget, anak adalah pelajar yang pada dirinya sudah memiliki motivasi untuk mengetahui dan memahami sendiri konsekuensi dari tindakan-tindakannya.

Pengalaman yang luas akan membantu pelajar menyelesaikan masalah yang dihadapi. Oleh itu, pengalaman hendaklah diambil kira dan disepadukan dengan kandungan program pembelajaran. Teori pembelajaran apabila dijadikan asas kepada reka bentuk program pembelajaran berupaya mendorong pelajar untuk belajar dan berubah. Pemahaman tentang teori pembelajaran akan membantu kejayaan program pembelajaran.

Dalam menentukan kejayaan program pembelajaran, keupayaan menggabungkan pelbagai teori dapat memberi impak kepada setiap individu melalui proses tersebut. Oleh itu, pemilihan pendekatan pembelajaran yang bersesuaian dengan pelajar dan cara mereka belajar sangatlah penting di samping dilaksanakan oleh pengajar yang profesional (Schuman, 1996).

Konstruktivisme merupakan proses pembelajaran yang menerangkan bagaimana pengetahuan disusun dalam minda manusia. Unsur-unsur konstruktivisme telah lama dipraktikkan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah, maktab dan universiti tetapi tidak begitu ketara dan tidak ditekankan. Mengikut kefahaman konstruktivisme, ilmu pengetahuan tidak boleh dipindahkan daripada guru kepada pelajar dalam bentuk yang serba sempurna. Pelajar perlu bina sesuatu pengetahuan itu mengikut pengalaman masing-masing.

Pembelajaran adalah hasil daripada usaha pelajar itu sendiri dan guru tidak boleh belajar untuk pelajar. Blok binaan asas bagi ilmu pengetahuan ialah satu skema iaitu aktiviti mental yang digunakan oleh pelajar sebagai bahan mentah bagi proses renungan dan pengabstrakan. Fikiran pelajar tidak akan menghadapi realiti yang wujud secara terasing dalam persekitaran. Realiti yang diketahui pelajar adalah realiti yang dibina sendiri.

Pelajar sebenarnya telah mempunyai satu set idea dan pengalaman yang membentuk struktur kognitif terhadap persekitaran mereka. Untuk membantu pelajar membina konsep atau pengetahuan baru, guru harus mengambil kira struktur kognitif yang sedia ada pada mereka. Apabila maklumat baru telah disesuaikan dan diserap untuk dijadikan sebahagian daripada pegangan kuat mereka, barulah kerangka baru tentang sesuatu bentuk ilmu pengetahuan dapat dibina.


Sehubungan dengan itu, diperlihatkan kepada pengkaji bahawa ketiga-tiga teori pembelajaran di atas adalah amat bersesuaian sekali dengan kaedah dan cara P&P yang sedang dilaksanakan di IKM Johor Bahru ini di mana para pelajar di sini kebanyakannya belajar melalui pengalaman dan pengukuhan di dalam setiap bidang kemahiran yang mereka ceburi. Akhirnya, perubahan tingkahlaku dan sikap baru pelajar mula terbentuk di dalam setiap individu pelajar tersebut.

2.3.4 Teori pembelajaran Bloom's Taxanomi (1956)

Teori ini telah pun diasaskan oleh Bloom, B. S. sejak tahun 1956 lagi. Bloom ialah ahli psikologi pendidikan yang bertugas di University of Chicago. Teori ini telah membahagikan elemen pembelajaran kepada tiga (3) bahagian utama iaitu kognitif, aktivis dan psikomotor.

(i) Domain kognitif


Kognitif diterjemahkan sebagai pengelasan yang menerangkan tentang sesuatu perkara yang berkaitan dengan akal fikiran. Contohnya ilmu pengetahuan yang diketahui oleh seseorang pelajar. Kemudiannya ianya diterjemahkan dengan penghuraian dan kefahaman sendiri tanpa bantuan orang lain. Seterusnya, pelajar tersebut akan mengaplikasikan pengetahuan tersebut dengan suasana yang baru dan cuba menganalisis pengetahuan tersebut untuk membentuk pengetahuan yang baru melalui sintesis. Akhir sekali, pelajar tersebut akan membuat penilaian berdasarkan apa yang telah difahaminya itu. Teori ini dapat diterjemahkan sepertimana dalam Rajah 2.1 di muka surat sebelah:



Rajah 2.1: Kriteria domain kognitif

(ii) **Domain aktivis**


Dari sudut pengertian, aktivis adalah diistilahkan sebagai suatu nilai dan perasaan. Apabila pelajar menerima sesuatu pengetahuan, mereka akan bertindak balas dan kemudiannya membuat penilaian. Setelah itu, pelajar tersebut akan mengatur proses pembelajarannya dan terhasillah berwatakan daripada pembelajaran tersebut. Domain ini dapat digambarkan sepertimana Rajah 2.2 di bawah iaitu:



Rajah 2.2: Kriteria domain aktivis

(iii) Domain psikomotor

Domain psikomotor dilihat lebih kepada kemahiran fizikal yang mana berlakunya tindakan secara pembiasaan atau peniruan yang melibatkan perbuatan secara langsung dalam sesuatu perkara. Apabila pelajar seing melakukan kerja-kerja secara amali atau praktikal maka, mereka akan membentuk suatu kebiasaan. Akhirnya akan membentuk satu kemahiran sehinggalah pelajar mampu untuk mencipta sesuatu yang baru berdasarkan kemahiran yang ada padanya. Domain ini boleh dijelaskan mengikut Rajah 2.3 di muka surat sebelah:



Rajah 2.3: Kriteria domain psikomotor

Secara keseluruhannya, teori ini mengandungi tiga (3) domain utama yang mengelaskan kriteria dalam gaya-gaya pembelajaran iaitu domain kognitif yang lebih memfokuskan kepada daya pemikiran oleh para pelajar, domain aktivis yang lebih kepada naluri dan perasaan pelajar terhadap ilmu yang diterima dan domain psikomotor yang lebih menjurus kepada perbuatan atau tingkahlaku pelajar terhadap ilmu yang dipelajarinya.

Maka, diperlihatkan juga teori ini amat bersesuaian sekali dengan proses pembelajaran yang berlaku di IKM Johor Bahru ini di mana para pelajar di sini mula belajar secara berfikir dahulu kemudian diterjemahkan ke dalam bentuk amali ataupun praktikal secara *hands-on*.

2.3.5 Teori pembelajaran Rober Gagne (1988)

Teori ini telah diasaskan oleh Gagne, R. M. dan Driscoll, M. P. pada tahun 1988. Teori ini menggariskan bahawa pergerakan proses pembelajaran ialah bermula dari yang mudah kepada yang lebih kompleks. Atau dengan kata lain iaitu pembelajaran bermula dengan sesuatu yang mudah difahami dan kemudian beralih kepada yang lebih susah untuk difahami. Teori ini berpandangan bahawa:

- (i) Pada peringkat awal pembelajaran, isyarat boleh digunakan. Ia mudah dan tidak menggunakan akal fikiran. Sebagai contohnya adalah pensyarah menunjukkan sesuatu objek kepada pelajar sambil mengibaskan kad perkataan manakala pelajar pula cuba untuk menjelaskannya.
- (ii) Pembelajaran adalah reaksi gerak balas yang membawa implikasi bahawa pensyarah hendaklah memberikan pujian dan galakan kepada para pelajar.
- (iii) Pembelajaran yang berangkaian di mana pensyarah menggunakan pendekatan pengulangan serta membuat sesuatu mengikut turutan pengajaran.
- (iv) Kemahiran komunikasi di antara pensyarah dan pelajar adalah berdasarkan hujah. Interaksi dua (2) hala adalah digalakkan untuk mendapatkan satu proses pembelajaran yang sempurna.
- (v) Pensyarah hendaklah mengenal pasti objektif dan menerangkan kepada pelajar agar pembentukan konsep mudah difahami.
- (vi) Pensyarah menggunakan pendekatan dengan membuat perbandingan dan juga aplikasi di dalam matapelajaran tertentu.
- (vii) Pensyarah hendaklah membuat bimbingan bagi mendiskriminasikan sesuatu fakta yang paling penting daripada yang kurang penting.

Jadi, Teori Pembelajaran Rober Gagne ini sebenarnya dilihat lebih banyak memfokuskan kepada peranan yang harus dimainkan oleh setiap pensyarah dalam melaksanakan proses P&P terhadap para pelajarnya. Konsep pembelajaran utama yang diperkenalkan oleh teori ini adalah pembelajaran yang bermula dari yang senang kepada yang lebih susah. Secara logiknya teori ini dilihat memang sesuai untuk diterapkan ke dalam apa jua bentuk pendidikan sekalipun. Ini adalah kerana para pelajar lebih cenderung kepada yang lebih mudah dahulu berbanding kepada yang lebih susah atau rumit. Sehubungan dengan itu, sekiranya perkara ini dipraktikkan dan diikuti sebaiknya oleh pihak pensyarah maka, sudah tentunya matlamat dan objektif pembelajaran dapat dicapai dengan jayanya.

2.3.6 Teori pembelajaran Honey & Mumford (1986)

Menurut Honey & Mumford (1986), istilah gaya pembelajaran digunakan untuk menerangkan sikap dan tingkahlaku yang menentukan gaya pembelajaran individu yang mengamalkannya. Honey & Mumford membahagikan gaya pembelajaran pelajar kepada empat (4) domain utama iaitu aktivis, reflektif, teoritis dan pragmatis.

(i) Domain aktivis

Pelajar-pelajar yang tergolong dalam kumpulan ini gemar mencari pengalaman baru. Mereka berfikiran terbuka dan amat ingin mengambil tahu tentang perkara-perkara yang baru. Mereka lebih suka terlibat dalam perbincangan sama ada secara terbuka atau sebagainya. Falsafah mereka ialah “Saya sangat ingin mencubanya.”

(ii) Domain reflektif

Golongan pelajar ini belajar melalui pemerhatian dan berfikir terhadap apa yang telah berlaku. Mereka suka mengumpul dan menganalisis data serta berfikir dengan cermat sebelum membuat kesimpulan yang sesuai. Falsafah mereka adalah ‘Berhati-hati.’”

(iii) Domain teoritis

Golongan pelajar ini belajar melalui model, konsep dan pernyataan. Mereka bersifat objektif iaitu melihat sesuatu idea dari semua sudut agar sesuatu situasi dapat dilihat dengan lebih jelas. Rumusan yang dibuat adalah berasaskan bukti, analisis data dan logik. Falsafah mereka ialah “Jika ia logik maka ia baik.”

(iv) Domain pragmatis

Golongan pelajar ini bersifat praktikal. Mereka gemar mencuba idea, teori dan teknik untuk memastikan sama ada ia berguna dalam situasi sebenar. Mereka suka menggunakan alat-alat konkrit bagi menyelesaikan masalah. Falsafah mereka ialah “Cara yang lebih baik sentiasa wujud”.

RUJUKAN

- Abdul Ghafar, M. N. (2001). *Penyelidikan Pendidikan*. Fakulti Pendidikan: UTM.
- Abdul Ghaffar, M. N. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Ghafar, M. N. et al. (1997). *Mencorakan Prestasi Pelajar Di Institusi Pendidikan Tinggi: Satu Kajian Kes*. *Jurnal Teknologi*. Bil. 30. M.S. 1.
- Abu Bakar, B. (2003). *Asas Pengukuran Bilik Darjah*. Tanjung Malim, Quantum Books.
- Abu Bakar, B. (2006). *Hubungan Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik: Tinjauan Di Tiga Buah Madrasah Sepenuh Masa Di Singapura*. Tesis Sarjana. UTM, Johor.
- Abu Bakar, Z & Kasri, M.S. (2009). *Gaya Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Dua Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Gambir Dalam Mata Pelajaran Kemahiran Hidup*. UTM, Johor.
- Abu Hassan, N. (2001). *Perkaitan Antara Gaya Pembelajaran, Keupayaan Awal, Kesukaran Subjek dan Kaedah Pengajaran dengan Pencapaian Matematik Pelajar Diploma Kejuruteraan*. Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia. Parenting, 3 (1): 4-58.
- Abu, B. et al. (2007). *Kepelbagaian Gaya Pembelajaran dan kemahiran Belajar Pelajar Universiti di Fakulti Pendidikan*. UTM Johor. 1-10.
- Abu, B. (2000). *Teaching Effectiveness and Staff Professional Development Programmes in HEI in Malaysia*. Published Doctoral Thesis, The University of Birmingham, UK.
- Adam, Z. et al. (2000). *Gaya Pembelajaran Guru Pelatih Kursus Diploma Perguruan Malaysia*. Institut Bahasa Melayu Malaysia. 1-10.
- Ahmad, A. (1997). *Satu Kajian Mengenai Stail Pembelajaran Dikalangan Pelajar-pelajar SPH, Di Universiti Teknologi Malaysia, Kampus Skudai Dan Kaitannya Dengan Keputusan Peperiksaan Semester*. Tesis Sarjana. UTM, Johor.

- Ahmad Dasuki, K. (1993). *Konsep Dan Sistem Pendidikan Jarak Jauh*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Alias, N. (2005). *Kajian Gaya Pembelajaran Guru Pelatih Kursus Pengajian Lepas Ijazah Maktab Perguruan Batu Lintang*. Jurnal Pendidikan.
- Bachok, R. et al. (2000), *Isu Kesepadanan Gaya Pembelajaran dan Gaya Pengajaran Matapelajaran Bahasa Pengaturcaraan C*, Jabatan Sains Komputer, FTSM, UKM Bangi.
- Bahagian Kemahiran Teknikal MARA, BKT (2011). *Peta Laluan PTV Fasa II (2011- 2015)*.
- Bass, G. M. dan Greay, W. T. (1996). *Education Research Abstracts*. Accounting Education, (1), 238-242.
- Bloom, B. S. (1956): *Taxanomi of Educational Objectives. The Classification of Educational Goals. Handbook 1: Cognitive Domain*, New York: David McKay Company, Inc. (7. oplag 1972).
- Canfield, A. A. (1977). *Learning Style Inventory Manual*. Plymouth: Humanities Inc.
- Carlson, N. R. (1987). *Psychology: The Science of Behaviour*. Edisi kedua. Boston: Allyn & Bacon, Inc.
- Chamillard, A.T. et. al (2002). *The Software Engineering Capstone: Structure and Tradeoffs*. In *Proceedings of the Thirty-Third SIGCSE Technical Symposium on Computer Science Education*, Northern Kentucky, Kentucky, pp. 227-231.
- Chambers, B. & Abrami, C. P. (1991). *The Relationship between Student Team Learning Outcome and Achievement, Causal Attributions and Affect*. Educational Psychology. 83: 140-146.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan, Kaedah Penyelidikan*. Edisi Pertama. Malaysia: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn Bhd. 53-275. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cynthia U. T. (1996). *They Way They Learn*. Colorado: Focus On The Family.
- Diaz, D. P. & Cartnal, R. B. (1999). *Students' learning styles in two classes: Online distance learning and equivalent on-campus*. College Teaching, 47(4), 130-135.
- Dunn, R, & Dunn, K. (1978). *Teaching Student Through Their Individual Learning Styles: The Centre for the Study of Learning and Teaching Styles*. St. John's. University. Jamaica, New York.

- Dunn, R. & Dunn, K. (1979). *Learning Styles/Teaching Styles: Should they.....can they be matched?*. Educational Leadership. January, 238-244.
- Dunn, R. & Dunn, K. (1980). *What Is Your Child's Learning Style? The Newsletter of Parenting*. 3 (1): 4-58.
- Dunn, R. (1984). *Learning Style: State Of The Science*. Journal of Higher Education. 23 (1): 10-19.
- Dunn, R. dan Stevenson, J.M (1997). *Teaching Diverse College Students To Study A Learning Style Prescription*. College Student Journal, 31(3): 333-339.
- Entwistle, N. (1981). *Styles Of Learning and Teaching*. New York, John Wiley and Sons Ltd.
- Entwistle, N. J. Tait, H. & McCune, V. (2000). *Patterns of Response To An Approaches To Studying Inventory Across Contrasting Groups And Contexts*. European Journal of The Psychology Of Education.
- R.M. Felder, et.al. (2002). *The Effects of Personality Type on Engineering Student Performance and Attitudes*. J. Engr. Education, 91(1), 3-17.
- Felder, R. M. & Silverman, L. K. (1988). *Learning And Teaching Styles In Engineering Education*. Journal Of Engr. Education. 78 (7): 674-681.
- Felder, R. M. & Silverman, L. K. (2002). *Learning And Teaching Styles In Engineering Education*. Journal Of Engr. Education. 78 (7): 674-681.
- Felder, R. M. (1993). *Reaching The Second Tier: Learning and Teaching in College Science*. J. Cillege Science Teaching. 23 (5): 286-290.
- Felder, R. M. dan Henriques, E. R. (1995). Learning and Teaching Styles in Foreign and Second Language Education, *Foreign Language Annals*, 28(1), 21-21
- Gagne, R. M dan Driscoll, M. P.(1988). *Essentials of Learning for Instruction*. 2nd ed. New Jersey: Prentice Hall. 1-133.
- Ghafar, M. N. (1998). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Gono, K. (2002). *Gaya Pembelajaran Pelajar Kursus Kejuruteraan Di Institut Teknologi Perindustrian YPJ JB*. Tesis Sarjana Muda. UTM, Johor.
- Grasha, A. F. (1996). *Teaching with style*. Pittsburgh, PA: Alliance.
- Gremler, J. (1996). *Tuned in to Learning Styles*. Music Educators Journals. Vol 83. 4.
- Griggs, S. A. (1991). *Learning Styles Counseling*. Ann Arbor, MI: ERIC Counseling and Personnel Services Clearing House. The University of Michigan.

- Hamachek, D. (1990). *Psychology in Teaching, Learning and Growth*. 4th. ed. USA: Allyn and Bacon. 94-123.
- Hashim, S, Razali, M & Jantan, R. (2003). *Psikologi Pendidikan*. Pahang, PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Hii, S. T. (2006). *Gaya Pembelajaran Sains Tahun 5 Fakulti Pendidikan*, UTM.
- Honey, P. & Mumford, A. (1992a). *Using your Learning Styles*. Maidenhead: Peter Honey.
- Honey, P. & Mumford, A. (1992b). *The Manual of Learning Styles*. Edisi Kedua. United Kingdom : Peter Honey.
- Honey, P. dan Mumford, (1986). *Using Your Learning Style*. Maidenhead: Peter Honey.
- Idris, N. R. (2006). *Gaya Pembelajaran Dan Hubungan Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Universiti*. Tesis Sarjana.
- Ithnin et. al (2011). *Hubungan Di Antara Jantina Dan Gaya Pembelajaran Terhadap Pencapaian Murid Dalam Mata Pelajaran Matematik*. Proedujournal.
- Johnson David W. dan Johnson Roger T. (1999). *Learning Together And Alone: Cooperative, Competitive And Individualistic Learning*. Massachusetts: Allyn & Bacon.
- Kamaruddin. M. I. & Mohamad, A (2011). *Kajian Gaya Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar UTM*. Journal of Educational Psychology and Counseling, Volume 2, Jun 2011, Pages 51-77/ ISSN: 2231-735X
- Kamus Dewan (2005). Edisi Ke-4. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dwibahasa Oxford (2006), Edisi ke-4. Fajar.
- Keefe J.W. (1987). *Student learning style: Diagnosing & prescribing Prog.* 39-54.
- Kesavalu, S. (2005). *Hubungan Di antara Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan Di UTM Dalam Matapelajaran Teknologi Pengeluaran Asas*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Keri, G. (2002). *Male and Female Collage Student's Learning Styles Differ: An Opportunity for Instruction Diversification*.1.
- Kimble, G. A. (1961), *Hilgard and Marquis' Conditioning and Learning*. New York: Appleton Century-Crofts.
- Klavas, A. (1994). Learning Style Program Boosts Achievement And Test Scores. *Clearing House*. Vol. 67(3): 149

- Kolb, D. A. (1984). *Experiential Learning*. 1st. ed. New Jersey: Prentice Hall. 41- 83.
- Kolb, D.A., (1985), *LSI Learning-Style Inventory*, McBer & Company, Training Resources Group, 116 Huntington Avenue, Boston, MA, 02116.
- Konting, M. M. (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Konting, M. M. (1993). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur.
- Konting, M. M. (1994). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1970). *Determining Sample Size For Research Activities*. Educational and Psychological Measurement. 30: 607-610.
- Kruzich, J. et al.(1986). *Assessment of student and faculty learning styles: research and application*. Journal of Social Work Education, 22, 22-30.
- Landell, K. (1997). *Management by Menu*. London: Wiley and Soms Inc.
- Lee, M.F. (2001). *Pola Gaya Pembelajaran Pelajar dan Gaya Pengajaran Guru Di kalangan Pelajar dan Guru Sekolah-Sekolah Menengah Akademik Daerah Johor Bahru – Satu Kajian Kes*. Tesis Sarjana Muda. UTM, Johor.
- Liew, K. (2007). *ICT in Education: An action learning approach using soft system methodology*. Jurnal Penyelidikan Pendidikan Guru 3: 17-38.
- Likert, R. (1932), *A Technique for the Measurement of Attitudes*, Archives of Psychology 140: 1–55.
- Low, X. X. (2003). *Pola Gaya Pembelajaran Pelajar-pelajar Di Kelas Lukisan Kejuruteraan*. Sekolah Menengah Sains Muar. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Mat Safri, A (2008). *Gaya Pembelajaran Yang Paling Dominan Dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan Elektrik di UTM*. Tesis Sarjana. 53-61.
- McKeachie, J. W. (1995). *Learning Styles Can Become Learning Strategies*. NTLF Featured Article, 4 (6).
- Md. Kamaruddin, N (2006). *Learning Styles of Form Four Electrical Engineering Students in Three Technical School in Malaysia*. 1-13.
- Mohd. Ali, H. (1996). *Strategi Belajar Yang Berkesan*. K. Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd
- Mohd Yusof, Y. (2002). *Kajian Gaya Pembelajaran Individu Pelajar Perakaunan Kolej Matrikulasi Perak*. Jurnal Pendidikan.

- Mohamed Nor, K. (1993). *Kaedah Pembelajaran Berkesan*. Kuala Lumpur: Cahaya Pantai (M) Sdn. Bhd.
- Mohamed Zakaria, Z. B. (2007). “*Hubungan Gaya Pembelajaran Dengan pencapaian Akademik: Tinjauan Di Kalangan Pelajar-Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Tahun Pertama UTM, Skudai, Johor*”.
- Mok, S. S. (2000). *Ilmu Pendidikan Untuk Kursus Perguruan Lepas Ijazah*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Mok, S. S. (2001). *Psikologi Pendidikan Untuk Diploma Perguruan*. Subang Jaya: Kump Budiman Sdn. Bhd.
- Mustaffa, R. (2007). *Mengadaptasikan Gaya Pembelajaran Pelajar ESL: Satu Kajian Kes Pelajar Tahun Satu di UKM*”. GEMA On-line Journal.
- Mumford, A. (1992), *Individual and Organizational Learning: The Pursuit of Change*, Management Decision, Volume 30, Number 6, pages 143-148.
- Ng, S. C. (2005). *Relationship between Learning Styles and Understanding of Selected Chemical Concepts among Pre-University Science Students*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Noordin, T. A. (1989). *Tinjauan masalah-masalah pembelajaran di kalangan pelajar berprestasi rendah: Kaedah perbincangan*. Jurnal personalia Pelajar 2: 3-9.
- Nun, H. (1999). *Gaya Pembelajaran Pelajar Di UTM*. Tesis Sarjana. UTM, Johor.
- Piaget, J. (1954). *The Construction of Reality in The Child*. New York: Basic Books.
- Puteh S. N. & Abd Salam K. A. (2011), *Tahap Kesiapan Penggunaan ICT dalam Pengajaran dan Kesannya Terhadap Hasil Kerja dan Tingkah Laku Murid Prasekolah*. Jurnal Pendidikan Malaysia 36(1): 25-34.
- Rashid, R. (2008), *Hubungan Antara Gaya Pembelajaran Dengan Motivasi Dalam Kalangan Pelajar Di Sekolah Menengah Luar Bandar, Sabah*. Tesis UTM.
- Razali, S. N. (1996). *Analisis Data Dalam Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Reid, G. (2005). *Learning Styles and Inclusion*. 1st ed. London: Paul Chapman Publishing. 53-138.
- Reid, J. M. (1987). *The Learning Style Preferences of ESL Students*. TESOL Quarterly, 21(1), 87-111.
- Reid, J. (Ed). (1998). *Understanding Learning Styles In The Second Language Classroom*. Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.

- Reeve, J. (1997). *Understanding Motivation and Emotion*. 2nd ed. United States of America : Harcourt Brace College.
- Renzulli, J. S., & Smith, L. H. (1978). *The Learning Style Inventory: A measure of student preference for instructional techniques*. Mansfield Center, CT: Creative Learning Press.
- Santrock, J. W. (2000). *Psychology*. 6th. ed. New York: McGraw-Hill. 36.
- Shea, P. (1983). *Student Learning Style: A Segmentation Strategy for Higher Education*. *Journal of Education for Business*. 71(4): 232-235.
- Schuman, L. (1996). Perspectives on Instruction. [On-line]. Available: <http://edweb.sdsu.edu/courses/edtec540/Perspectives/Perspectives.html>.
- Skinner, B.F. (1974). *About Behaviorism*. New York: Alfred A. Knopf, 1974.
- SPSS Inc. (2001), *SPSS Base 16.0 User's Guide*, SPSS Inc., Chicago, IL.
- Tahar, M.S. (1998). *Kajian Terhadap Gaya Pembelajaran Kumpulan Jurutera Kursus Perguruan Lepas Ijazah 1996/1997 Di Maktab Perguruan Teknik Kuala Lumpur*. UTM: Tesis Sarjana.
- Tasir, Z & Abu, M .S. (2003). *Analisis Data Berkomputer SPSS 11.5 for Windows*. Universiti Teknologi Malaysia, Venton Publishing. UTM, Johor.
- Travers, John F. (1979). *Educational Psychology*. New York: Harper & Row Publisher.University. Jamaica, New York.
- Unit Penilaian dan Persijilan, UPPKMJB (2011). *Keputusan Peperiksaan Sesi Jan – Jun 2011 dan Sesi Jul – Dis 2011*. IKM Johor Bahru.
- Yahaya, A. & Abdul Karim, S. (2004). *Kajian Hubungan Di antara Gaya pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Ulu Tiram*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Yahaya, A. et al. (2003). *Kajian Hubungan Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah Teknik Negeri Sembilan*. Negeri Sembilan.
- Yahaya. A. et al. (2003). *Kajian Ciri-ciri Personaliti Dalam Pemilihan Kerjaya Pelajar, Gaya Pembelajaran Pelajar dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Yusof, R. et al. (2005). *Strategi Pembelajaran Pengalaman Berasaskan Model Kolb dalam Pendidikan Perakaunan Pengalaman Berasaskan Model Kolb*, *Jurnal Pendidikan* 30 (2005) 113 - 128 113, UTM.